



GARIS PANDUAN PENYIDAIAN KAIN DI KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

JANUARI 2009

KANDUNGAN

	Muka Surat
Tujuan	3
Latar Belakang	3
Prinsip	4
Tafsiran	4
Skop Garis Panduan	4
- Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan dan Pesuruhjaya Bangunan	4
- Tanggungjawab Pihak Pengurusan Bangunan	5
- Tanggungjawab Penghuni	6
- Penggunaan Peralatan	7
Pemakaian	10
Penutup	10

GARIS PANDUAN PENYIDAIAAN KAIN DI KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT

TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pesuruhjaya Bangunan (COB) dalam mengatasi masalah penyidaian kain di kediaman berbilang tingkat sedia ada yang dilihat telah mencacatkan pandangan awam.
2. Objektif garis panduan ini adalah untuk menjelaskan prinsip serta kaedah penyidaian di kediaman berbilang tingkat dapat dilaksanakan secara efektif dan teratur di samping memastikan ianya tidak mencacatkan pandangan awam.

LATAR BELAKANG

3. Amalan penghuni yang menyidai kain secara tidak teratur di bahagian tingkap, balkoni dan koridor di kediaman berbilang tingkat yang menghadap kepada pandangan awam telah mencacatkan pandangan serta imej bandar. Senario ini dianggap amat serius khususnya di bandar-bandar utama termasuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
4. Susulan daripada isu ini, Jemaah Menteri pada 19 Februari 2003 telah membuat teguran dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil inisiatif melaksanakan satu kajian mengenai aktiviti penyidaian kain di bangunan kediaman berbilang tingkat dengan tujuan untuk mewujudkan satu garis panduan penyidaian kain yang boleh memperbaiki masalah ini.

PRINSIP

5. Prinsip penyediaan kain yang perlu dicapai adalah penyediaan kain di kediaman berbilang tingkat yang terlindung daripada pandangan awam dan tidak mencacatkan imej bangunan.

TAFSIRAN

6. **Kediaman Berbilang Tingkat** bermaksud sesuatu bangunan berstrata yang digunakan sebagai tempat kediaman yang merangkumi rumah pangsa, pangsapuri, dan kondominium.

7. **Penyediaan Kain** adalah satu aktiviti menjemur atau mengering kain yang memerlukan ruang bagi setiap unit.

SKOP GARIS PANDUAN

8. Garis panduan ini menerangkan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak terlibat yang terdiri daripada PBT, COB, pihak pengurusan bangunan dan penghuni serta aspek penggunaan peralatan bagi mengatasi masalah penyediaan yang tidak teratur.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan dan Pesuruhjaya Bangunan

- i. PBT hendaklah memastikan aspek penyediaan kain diambil kira dalam syarat kelulusan pelan bangunan;
- ii. PBT hendaklah mengadakan kempen kesedaran secara berkala kepada semua penghuni melalui program bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC);

- iii. PBT hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan kerjasama JMB, MC atau Agen Pengurusan terhadap penghuni yang ingkar; dan
- iv. COB hendaklah membuat peraturan yang mewajibkan pihak pengurusan bangunan (Pemaju, JMB, MC atau Agen Pengurusan) memasukkan peraturan penyidaian dalam Undang-Undang dan Peraturan di Kediaman Berbilang Tingkat (*House Rules & Regulations*) yang disediakan untuk semua penghuni.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan Bangunan

- i. Pihak pengurusan bangunan hendaklah menyediakan ruangan khas bagi membolehkan penghuni melaksanakan aktiviti penyidaian yang melibatkan fabrik yang bersaiz lebih besar;
- ii. Pihak pengurusan bangunan hendaklah mewujudkan perkhidmatan dobi layan diri bagi kegunaan bersama penghuni sebagai alternatif kepada penghuni untuk mencuci. Pengurusan dobi layan diri ini dikendalikan oleh pihak pengurusan bangunan atau persatuan penduduk dengan mengenakan bayaran yang minimum. Kos bagi penyediaan peralatan yang berkaitan seperti mesin basuh dan mesin pengering diperolehi daripada akaun penyenggaraan bangunan tersebut;
- iii. Satu program khas hendaklah diadakan bagi mendidik penghuni tentang tatacara kehidupan di kediaman berbilang tingkat termasuk kaedah pengurusan aktiviti penyidaian kain yang teratur;
- iv. Pihak pengurusan bangunan hendaklah mewujudkan satu peraturan khas berkaitan tatacara penyidaian yang perlu ditandatangani dan dipatuhi oleh semua penghuni di dalam *House Rules & Regulations*;

- v. Pihak pengurusan bangunan hendaklah menguatkuasakan peraturan berkaitan aktiviti penyidaian kain di tempat yang telah dikhususkan mengikut peraturan yang ditetapkan;
- vi. Pihak pengurusan bangunan hendaklah menyediakan peralatan yang seragam dan sesuai digunakan mengikut keperluan penghuni untuk melaksanakan aktiviti penyidaian kain di tempat yang ditentukan;
- vii. Pihak pengurusan bangunan hendaklah bekerjasama dengan persatuan penduduk bagi menyediakan dan menyebarkan risalah serta penerangan berkenaan kaedah penyidaian yang betul;
- viii. Pihak Pengurusan bangunan hendaklah menyediakan jadual masa untuk menjemur kain sekiranya menggunakan ruang awam seperti koridor; dan
- ix. Pihak pengurusan bangunan hendaklah mengambil tindakan kepada penghuni yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Tanggungjawab Penghuni

- i. Penghuni hendaklah melaksanakan aktiviti sidaian di tempat yang telah dikhaskan di setiap unit masing-masing;
- ii. Penghuni hendaklah menggunakan peralatan yang selamat dan bersesuaian;
- iii. Penghuni dilarang menyidai apa-apa jenis sidaian di tingkap, balkoni atau koridor yang menghadap kepada pandangan awam;

- iv. Penghuni dibenarkan menggunakan ruangan balkoni atau koridor yang terlindung daripada pandangan awam, tanpa menghalang laluan gunasama;
- v. Penghuni hendaklah menggunakan kemudahan dobi yang disediakan bagi tujuan mencuci fabrik yang bersaiz lebih besar (contoh : selimut dan cadar); dan
- vi. Penghuni hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan bangunan.

Penggunaan Peralatan

9. Kaedah penyidaian yang paling sesuai digunakan di kawasan kediaman berbilang tingkat adalah penggunaan peralatan menyidai kain jenis mudah alih. Jenis peralatan yang digunakan adalah berdasarkan jenis kediaman berbilang tingkat yang mempunyai balkoni dan yang tidak mempunyai balkoni.

i) Mempunyai ruang menyidai / balkoni

Jenis peralatan menyidai yang sesuai di tempat ini adalah jenis rak yang dipasang di dinding atau siling. Penggunaannya mudah kerana ia boleh diubahsuai mengikut keperluan dan selamat digunakan serta boleh disimpan dengan kemas sekiranya tidak digunakan. Contoh peralatan jenis ini yang boleh diperolehi di pasaran sekarang adalah seperti Gambar 1(a), 1(b) dan 1(c).



Gambar 1(a) : Ampaian pegun di dinding balkoni / dalam bilik



Gambar 1(b) : Ampaian pegun di dinding balkoni / dalam bilik



Gambar 1(c) : Ampaian pegun di dinding dan siling bilik

ii) Tidak mempunyai ruang menyidai / balkoni

Bagi rumah kediaman berbilang tingkat yang tidak mempunyai ruang sidaian atau balkoni, peralatan yang sesuai adalah alat penyidai mudah alih yang beroda. Peralatan menyidai yang mempunyai roda ini boleh dialih ke kawasan yang mendapat cahaya matahari sama ada di sebelah pagi atau petang. Ia mudah digunakan dan disimpan sekiranya tidak diperlukan. Kapasiti penggunaannya juga mampu menampung jumlah bilangan pakaian yang banyak pada satu-satu masa. Contoh peralatan jenis ini adalah seperti Gambar 2(a), 2(b) dan 2(c).



Gambar 2(a) : Ampaian mudah alih di balkoni / dalam bilik



Gambar 2(b) : Ampaian mudah alih di balkoni / dalam bilik



Gambar 2(c) : Ampaian mudah alih di balkoni

PEMAKAIAN

10. Garis Panduan Penyediaan Kain Di Kediaman Berbilang Tingkat ini digunapakai bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia.

PENUTUP

11. Garis panduan Penyediaan Kain Di Kediaman Bebilang Tingkat ini diwujudkan bagi mengatasi masalah penyediaan kain yang mencacatkan pandangan awam di kediaman berbilang tingkat terutamanya di kawasan bandar. Diharap matlamat garis panduan ini dapat dicapai dengan lebih berkesan melalui kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Januari 2009